

Program Jambatan Kasih 2021



Labuan, 22 Mac– Sekolah Kebangsaan Pekan Satu (SKPS) Wilayah Persekutuan Labuan sekali lagi telah menerima rombongan lawatan daripada Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (TKPPM) Dato' Hj Adzmin bin Talib. Turut hadir Pengarah Pendidikan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Yusup bin Haji Mohamad berserta timbalan dan penolong-penolong pengarah. Program ini bermula dari jam 11.30 pagi sehingga 1.15 petang.

Menurut Encik Yusup, program ini merupakan lawatan bersifat muhibah untuk mengenal pasti langkah yang terbaik melaksanakan proses penyuraian murid di SKPS. "Dengan mematuhi SOP yang ketat, pihak sekolah memberi contoh yang baik kepada sekolah lain khususnya dalam proses penyuraian murid menggunakan aplikasi e-Mulih" tambah beliau lagi.

Ketibaan rombongan ini disambut meriah oleh Guru Besar SKPS, Anita Shyamini A/P S. Azman. Turut hadir PK

Pentadbiran SKPS Encik Airol Azmi bin Abd Gani, PK HEM SKPS Puan Normah binti Rahimi, PK Kokurikulum SKPS Encik Esmi bin Amat, PK PPKI En. Mohd Faizal Abd Moin serta guru-guru SKPS sebagai tanda memberi semangat yang tidak terhingga kepada rombongan pelawat.

Di samping itu, Dato' Hj Adzmin mengucapkan tahniah kepada Pihak pengurusan dan semua guru kerana melihat kerjasama dan kesungguhan guru-guru dalam memastikan penyuraian murid berjalan lancar melalui aplikasi e-Mulih. Secara keseluruhannya Dato' Hj Adzmin berpuas hati dan mengucapkan tahniah khasnya kepada Encik Airol Azmi dan Encik Mohd Noor Izuan Bin Anuar "the founder of e-Mulih" dan amnya kepada seluruh pasukan penyuraian serta semua yang terlibat dalam kejayaan ini. Dato' Hj Adzmin menunjukkan minat terhadap sistem e-Mulih dan akan cuba menyetenghkannya diperingkat sekolah-sekolah KPM.



Dari Kiri Encik Yusup, Dato' Hj Adzmin Dan Puan Anita Shyamini Berbaris Di Stesen "Scan QR Code"

Puan Anita Shyamini meluahkan rasa syukur dengan periktirafan Aplikasi e-Mulih kerana ianya umpama satu

kredit besar kepada SKPS dalam menaikkan maruah guru dan sekaligus menaikkan martabat SKPS. Apa yang paling penting SKPS telah menemui satu formula penyuraian yang sesuai dengan kapasiti murid, ibubapa dan ruang terhad sekolah. “Insha Allah founder of e-Mulih akan *diimport* ke Kelantan atau secara GoogleMeet untuk sesi perkongsian amalan penyuraian ini” tambah beliau lagi.

Akhir sekali, penyelaras program Encik Mohd Noor Izuan melahirkan rasa terima kasih kepada pihak rombongan kerana sudi melawat SKPS dan melihat perjalanan proses penyuraian menggunakan aplikasi e-mulih. “Kami sebagai guru juga mengharapkan proses penyuraian menggunakan Aplikasi e-Mulih berjalan lancar dan akan berusaha mempertingkatkan lagi aplikasi ini dari semasa ke semasa agar ianya bertambah baik” ulas beliau lagi.



Dato' Hj Adzmin Berkesempatan Mengimbas QR Code Bagi Ibubapa Yang Mengambilnya Anaknya Melalui “Drive-thru”.